

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DI AKADEMI LAUT MALAYSIA (ALAM)  
Lokasi : AKADEMI LAUT MALAYSIA (ALAM)  
Tarikh : 21-08-1993

Dalam menjadikan Malaysia maju dalam dunia kelautan pada tahun 2020 maka peranan Akademi Laut Malaysia melahirkan tenaga kerja yang berkualiti, komited dan berdaya saing amatlah diperlukan. Oleh itu ALAM hendaklah menyusun strategi dan kaedah latihan maritim ke arah mencapai matlamat berkenaan. Untuk itu juga tenaga-tenaga pengajar perlulah meningkatkan ilmu dan kemahiran serta menjalankan penyelidikan dalam bidang maritim.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada 'ALAM' kerana telah mengundang saya ke Majlis Penyampaian Sijil pada pagi ini. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada para lulusan Kursus Pra-Laut Kadet Dek dan Kelasi.

Bidang pelayaran adalah satu-satunya bidang strategik bagi negara kita. Justeru itu saudara-saudara hendaklah memberikan perkhidmatan yang berkualiti, produktif dan berdisiplin dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan maritim. Negara kita mempunyai satu warisan sejarah maritim yang boleh dibanggakan. Kejayaan orang-orang Melayu mejelajah seluruh pelusuk dunia adalah terbukti.

Orang-orang Melayu memang terkenal dengan kehandalan mereka mengguna perahu layar untuk berdagang di seluruh pelusuk Asia Tenggara sebelum era penjajahan barat bertapak di rantau ini.

Di abad-abad ke 15 dan 16 Melaka merupakan sebagai Pusat Dagang Maritim di Gugusan Melayu yang paling terkenal dan disegani ramai. Apabila bangsa-bangsa barat tiba di Melaka pada abad ke-16, mereka terpegun dengan kedudukan Melaka sebagai satu pusat perniagaan Maritim yang sudah mempunyai satu undang-undang maritim yang teratur.

Sebenarnya orang Melayu sudah lama mengenali tamadun maritim.

Bagi saudara-saudara semua, para lulusan pada pagi ini, sesungguhnya saudara nanti akan berkhidmat bukan sahaja di negara kita tetapi juga di negara luar. Segala tingkah laku, sikap, perwatakan dan cara bergaul saudara akan mencerminkan imej negara. Oleh hal yang demikian, saya adalah amat berharap bahawa saudara-saudara akan menjaga diri dan nama baik negara dengan bekerja dengan penuh kualiti, produktif dan disiplin. Kerjaya kelautan yang saudara ceburi ini adalah kerjaya yang tergolong dalam sektor perkhidmatan, iaitu perkhidmatan pengangkutan laut.

Oleh hal yang demikian, faktor-faktor yang diberi keutamaan ialah keberkesanan kos, kecepatan pengendalian kargo serta kemahiran pengendalian kapal. Dengan lain-lain perkataan, sektor ini mementingkan kualiti; iaitu kualiti sebagai pekerja yang mengendalikan penghantaran kargo dengan cepat serta bebas dari kerosakan dan kecacatan, dan juga kualiti pengendalian kapal itu sendiri yang berteknologi tinggi.

Semua ini boleh dicapai sekiranya saudara menjadikan kualiti itu sebagai satu budaya dan cara hidup.

Latihan peringkat Pra-Laut di Akademi ini dikendalikan secara pendekatan Total Education And Training. Saya yakin melalui latihan sedemikian dimana nilai-nilai kepimpinan, kerohanian, disiplin, ketahanan mental dan fizikal, kesetiaan serta semangat berpasukan yang telah dititikberatkan, dapat membentuk satu golongan profesional kelautan yang berkualiti dan 'committed' serta berdaya saing tinggi. Dalam menghadapi cabaran menjadikan Malaysia negara kelautan yang maju dan berteknologi tinggi, adalah diharapkan bahawa para lulusan sekalian akan terus memperolehi ilmu dalam lain-lain cabang ilmu pengetahuan seperti elektronik, komputer dan sebagainya. Industri kelautan, khasnya sektor perkapalan, adalah amat penting kepada negara seperti Malaysia yang mana ekonominya berlandaskan perdagangan dengan negara-negara luar, dimana hampir 90 peratus perdagangan negara dilakukan melalui laut.

Pada masa ini, keupayaan muatan bagi keseluruhan kapal- kapal tempatan yang berdaftar di Malaysia jauh lebih rendah berbanding dengan kegiatan perdagangan Negara.

Negara kita masih banyak bergantung kepada perkhidmatan perkapalan asing untuk perdagangan negara. Banyak bayaran tambang pengangkutan dan insurans mengalir keluar daripada negara kita. Kerajaan adalah menggalakkan pengusaha-pengusaha baru menceburi bidang perkapalan dan juga membantu syarikat-syarikat untuk pembelian kapal-kapal baru. Mungkin saudara-saudara yang terlatih dan akan bertugas di atas kapal, satu hari kelak ingin maju ke hadapan dengan menjadi tuan punya kapal yang berjaya.

Sektor industri perkapalan, hendaklah terus memberi keutamaan kepada aspek latihan dalam program pembangunan sumber manusia. Bilangan pelaut iaitu pegawai dan kelasi yang diperlukan oleh negara sekarang adalah lebih kurang 12,800 orang. Pada masa ini pelaut-pelaut tempatan yang berdaftar adalah berjumlah 9,778 orang. Disamping melatih gunatenaga-gunatenaga baru, latihan juga amat penting bagi memahirkan pelaut-pelaut sedia ada dengan teknologi kapal terkini. Pelaut-pelaut terlatih bukan saja dapat menjimatkan kos operasi kapal tetapi juga dapat menghindar dari berlakunya kemalangan.

Sektor perkapalan di negara kita telah meningkat dari segi bilangan, saiz dan jenis kapal. Kapal-kapal pengangkut minyak, kimia, gas dan lain-lain kini tidak lagi asing bagi kita. Akademi ini merupakan satu-satunya institusi pendidikan dan latihan kelautan sepenuhnya di Malaysia.

Apa-apa yang dihasilkannya akan mencerminkan prestasi pendidikan dan latihan negara ini di mata dunia. Oleh hal yang demikian, 'ALAM' mestilah menghasilkan graduan yang 'world standard' kerana persaingan kita adalah dengan institusi-institusi luar negara. Untuk itu tenaga-tenaga pengajar terutamanya mestilah meningkatkan pengetahuan mereka dalam semua aspek ilmu dan teknologi.

Kerajaan memberi penekanan yang kuat untuk membangunkan sektor maritim. Untuk tujuan ini selain daripada mewujudkan institusi dan kursus-kursus kelautan seperti di 'ALAM' dan Politeknik Ungku Omar, Kerajaan telahpun menubuhkan satu institusi yang dikenali sebagai 'Malaysian Institute of Maritime Affairs (MIMA)'. Institut ini telah didaftarkan secara rasmi pada 19 Julai 1993 dan adalah "a company limited by guarantee". Dengan tertubuhnya MIMA, adalah diharapkan bahawa tenaga-tenaga pakar maritim dari sektor awam dan swasta akan dapat digembeling untuk membantu Kerajaan merancang dan melaksanakan dasar maritim yang seimbang. MIMA yang akan berperanan sebagai sebuah 'think- tank'; dan akan menjalankan kerja-kerja penyelidikan di dalam berbagai bidang maritim seperti navigasi, industri perkapalan, pelabuhan, insurans dan lain-lain. Saya adalah berharap bahawa semua agensi-agensi yang terlibat di dalam pengurusan sektor maritim akan bekerjasama dengan MIMA ini.

Pengerusi pertamanya ialah Y.Bhg. Raja Tan Sri Alias bin Raja Mohd. Ali yang juga Pengerusi MISC. Ketua Pengarahnya pula adalah Dr. Hamzah bin Ahmad. Institut ini mengandungi lapan orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang terdiri daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan; Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri; Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan; Setiausaha, Majlis Keselamatan Negara; Ketua Pengarah Perikanan; wakil Jabatan Peguam Negara; Y.Bhg.

Dato' Ahmad Ramli bin Hj. Mohd. Noor, Timbalan Panglima Tentera Laut dan Bekas Pengarah Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim dan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Di mana saja saudara-saudara bertugas, samada di laut dan di darat, jalankan tugas masing-masing dengan penuh amanah (integrity). Integrity is not a 90 percent thing, not a 95 percent thing; either you have it or you don't.

You don't turn integrity on and off. Saya berharap bahawa saudara-saudara akan memilih bidang kerja yang sesuai untuk mencapai job satisfaction. No matter how humble your work may seem, do it in the spirit of an artist, of a master. In this way, you lift it out of commonness and rob it of what would otherwise be drudgery.